



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

15 Mei 2015 / 26 Rejab 1436

Iman Dan Penghayatan Pengajaran

Di Sebalik Hari Kiamat

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَلِكِ الْحَقِّ الْمُبِينِ الَّذِي أَبَانَ لِعِبَادِهِ مِنْ آيَاتِهِ مَا
بِهِ عِبْرَةٌ لِلْمُعْتَبِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ إِلَهَ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ وَسَلِّمْ كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang saya kasihi,

Marilah bersama kita mempertingkatkan ketakwaan setinggi-tingginya kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, agar kita meraih kebahagiaan hakiki pada Hari Kiamat. Hari dimana setiap seseorang diantara kita bakal dihadapkan ke mahkamah Allah s.w.t., menanti perhitungan di atas segala amalannya.

Saudaraku,

Jumaat lalu, mimbar menyeru kita sebagai orang yang beriman untuk sentiasa berfikir dalam usaha untuk mempertingkatkan keimanan lantas meraih kesenangan dunia dan akhirat. Sebagai kesinambungan, mimbar hari ini mengajak kita menghayati salah satu dari rukun keimanan kita. Ia berkaitan dengan suatu kejadian yang pasti akan tiba. Pada saat itu segala yang hidup akan fana, yang kekal hanyalah yang Maha Perkasa, Tuhan Pencipta. Ia adalah Hari Kiamat.

Saudaraku,

Hari Kiamat adalah hari di mana setiap manusia akan dibangkitkan Allah s.w.t., lalu mereka akan diadili bagi setiap amalan yang dikerjakan semasa hidup di dunia. Dari sekecil-kecil amalan hingga kepada yang sebesar-besarnya. Setiap individu akan menerima balasan sesuai dengan amalan masing-masing. Keadaan Hari Kiamat ini sebahagiannya dapat digambarkan melalui firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Kiamat ayat 1 hingga 10:

لَا أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ ۖ وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ
ۖ أَتَحْسَبُ الْإِنْسَانَ أَلَّنْ نَجْمَعُ عِظَامَهُ ۖ بَلَىٰ
قَدَرِينَا عَلَىٰ أَنْ نُسَوِّيَ بَنَانَهُ ۖ بَلْ يُرِيدُ الْإِنْسَانُ

لِيَفْجُرَ أَمَامَهُ ﴿١٠﴾ يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ﴿١١﴾ فَإِذَا
 بَرِقَ الْبَصَرُ ﴿١٢﴾ وَخَسَفَ الْقَمَرُ ﴿١٣﴾ وَجُمِعَ الشَّمْسُ
 وَالْقَمَرُ ﴿١٤﴾ يَقُولُ الْإِنْسَانُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ الْمَفْرُجُ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud: “Aku bersumpah dengan Hari Kiamat, dan aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri). Apakah manusia mengira, bahwa kami tidak akan mengumpulkan (kembali) tulang belulangunya? Bukan demikian, sebenarnya Kami berkuasa menyusun (kembali) jari-jemarinya dengan sempurna. Bahkan manusia itu hendak membuat maksiat terus menerus. Ia bertanya: “Bilakah hari Kiamat itu?” Maka di saat mata itu terbelalak (ketakutan), dan apabila bulan telah hilang cahayanya, dan matahari dan bulan dikumpulkan. Pada hari itu manusia berkata: “Ke manakah tempat untuk aku lari?”.

Subhanallah! Suasana Hari Kiamat seperti yang digambarkan ayat ini terlalu dahsyat. Ia sangat mengerikan serta membimbangkan setiap jiwa mukmin. Tetapi gambaran yang sepenuhnya tentang gempita hari tersebut tetap tidak mampu kita gambarkan dengan keterbatasan akal kita. Kita hanya mampu secara umum untuk memahami dahsyatnya Hari Kiamat melalui apa yang dijelaskan Allah s.w.t. dan RasulNya. Sebagai contoh, Allah menceritakan di dalam Al-Quran bagaimana seorang ibu langsung tidak akan memperdulikan

anaknyanya. Iaitu ketika berhadapan dengan huru-hara hari tersebut, walhal dia sanggup berkorban nyawa semasa hidup di dunia. Allah berfirman:

يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ
كُلُّ ذَاتِ حَمَلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَرَىٰ وَمَا هُمْ
بِسُكَرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *“Pada hari kamu melihat (kejadian yang mengerikan) itu, setiap ibu yang menyusukan akan melupakan anak yang disusukannya, dan setiap wanita yang mengandung akan mengugurkan anak yang dikandungnya; dan engkau akan melihat manusia berada dalam keadaan mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah amatlah berat”*. [Surah Al-Hajj ayat 2]

Saudaraku,

Disebalik kita menghayati dan mempelajari tentang Hari Kiamat dan segala yang berkaitan dengannya. Sebenarnya penting untuk kita mengenalpasti hikmah dan pengajaran yang terkandung disebalik penghayatan tentang Kiamat itu sendiri. Kerana tanpa penghayatan akan erti kita beriman kepada Hari Kiamat, ia akan menyebabkan seseorang itu keliru lalu tidak mampu untuk meraih kemanfaatan serta kesan yang diinginkan. Penghayatan terhadap Hari Kiamat tidak seharusnya menjadikan seorang mukmin itu menyembunyikan diri, mengigil

ketakutan lalu meninggalkan segala tujuan serta perancangan kehidupan.

Apabila Allah dan RasulNya menegaskan berulang kali berkaitan dengan Hari Kiamat serta kejadian-kejadian yang bakal berlaku, ia sebenarnya bukan bertujuan untuk mengingatkan insan akan kematian semata-mata. Akan tetapi ia bertujuan untuk memberitahu insan bagaimana seharusnya beliau meneruskan kehidupannya di dunia ini.

Atas dasar itu tatkala Nabi s.a.w. ditanya tentang bila berlakunya Hari Kiamat, Nabi mengajukan pertanyaan semula kepada orang yang bertanya: *“Apa yang telah kamu persiapkan untuknya? Lelaki itu menjawab: Aku tidak mempersiapkan untuknya dengan banyak solat, puasa dan tidak pula banyak bersedekah. Tetapi aku mencintai Allah dan RasulNya. Maka baginda s.a.w bersabda : Kamu akan dibangkitkan bersama siapa yang kamu cintai”*. [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Nah Saudaraku, Nabi s.a.w. menegaskan dalam hadith tersebut, hikmah dan tujuan kita mempelajari tentang Hari Kiamat dan beriman dengannya. Bukan untuk meneliti bila tarikh berlakunya Kiamat, kerana bukan itu maksudnya. Akan tetapi kita mempelajari dan beriman tentang Kiamat ia bertujuan agar kita mengetahui bagaimana seharusnya kita meneruskan kehidupan kita di dunia ini. Kerana setiap perbuatan dan amalan yang kita tunaikan akan diperhitungkan

esok di hadapan Allah s.w.t. Setiap lafaz, setiap gerak-geri, tiada yang tersembunyi dari Tuhan Yang Maha Mengetahui.

Kerana itu, kita mendapati Nabi s.a.w. pernah berulang kali mengaitkan keimanan kepada Hari Kiamat dengan amalan. Sebagai contoh hadith Nabi yang bermaksud: *“Barangsiapa beriman kepada Allah dan Hari Akhir (Hari Kiamat) hendaklah ia berkata baik atau diam, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan Hari Akhir, janganlah ia menyakiti tetangganya, dan barang siapa beriman kepada Allah dan Hari Akhir, hendaknya ia memuliakan tamunya”*. [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim]

Saudaraku,

Fikirkanlah sejenak bagaimana agaknya situasi kita esok, tatkala kedua kaki ini berdiri di mahkamah Allah s.w.t.? Apakah kita ini akan merasakan terubat rindu dan cinta, ketika bertemu dengan Yang Esa? Yang mana dulu semasa kita masih hidup di dunia, kepadaNya kita bergantung, kita sentiasa mengungkapkan namaNya yang suci. Maka setentunya, tatkala dapat bertemu dengan yang dicintai, pasti seorang mukmin menjadi individu yang paling bahagia.

Jangan sampai kita ini menjadi seperti sebahagian individu yang merasa malu dan gementar tatkala berdiri di mahkamah Allah s.w.t. Malu kerana ada lagi hak Allah dan Rasul s.a.w. yang belum ditunaikan. Ibadah solat yang dulunya ditinggal-

tinggalkan. Hukum-hakam Al-Quran dan Sunnah yang diperlekehkan. Dia merasa malu kerana dulunya mengabaikan hak ahli keluarga, anak dan isteri.

Saudaraku,

Sebagai kesimpulan bagi khutbah hari ini, boleh kita membuat beberapa rumusan berkaitan persediaan kita untuk Hari Kiamat:

Pertama: Menyedari benarnya Hari Kiamat untuk kita menjiwai maksudnya, untuk mendidik diri agar sentiasa bertaqwa kepada Allah. Kerana Kiamat itu adalah destinasi yang pasti akan berlaku. Jadi apabila kita sedari penghujung dan destinasi kita, kita sepatutnya mampu mengorak langkah untuk menuju ke destinasi tersebut.

Kedua: Menjaga segala asas kewajipan dalam memenuhi hak Allah dan hak manusia.

Ketiga: Mempertingkatkan diri dengan amalan-amalan, dengan harapan segala amalan yang ditunaikan diterima Yang Esa.

Semoga kita sentiasa dikurniakan taufiq dan hidayah Allah s.w.t. untuk berdaya tahan dalam berusaha untuk meraih yang terbaik di sisiNya di dunia dan di akhirat, lalu ditempatkan bersama para kekasihNya dari kalangan para Anbiya, Siddiqin, Syuhada' dan Solihin. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.